

Manulife Global Perspective Fund

Membuka perspektif baharu
dalam pelaburan global

📞 (03) 2719 9271
✉️ manulifeim.com.my

Imbas kod QR untuk melayari laman web kami



Perspektif baharu untuk mengenal pasti peluang pelaburan dalam dunia yang semakin berubah

Apakah yang membezakan Dana Sasaran?

1. Portfolio yang berkembang maju seiring perubahan

Dana Sasaran menyediakan satu cara bagi pelabur yang bertumpukan pertumbuhan jangka panjang memanfaatkan transformasi besar yang sedang berlaku dengan melabur dalam syarikat-syarikat yang berdaya tahan, berkembang maju dan sedia untuk mengambil kesempatan daripada peralihan ekonomi global.

2. Tumpuan terhadap syarikat multinasional yang kukuh

Bertujuan membolehkan pelabur menggabungkan ciri-ciri *pertumbuhan* dan *ketahanan*.

Mengenal pasti syarikat-syarikat terkemuka dunia, daripada *syarikat multinasional peringkat awal* dengan prospek yang mengagumkan kepada *juara global yang sudah bertapak kukuh* hari ini.

Manfaat syarikat multinasional

Peringkat awal

- ✓ Syarikat yang berkembang pesat dan maju
- ✓ Potensi menjadi syarikat multinasional terkemuka
- ✓ Potensi pertumbuhan jangka panjang

Mapan

- ✓ Syarikat pemimpin dan peneraju pasaran
- ✓ Pasukan pengurusan berpengalaman
- ✓ Sumber hasil terpelbagai
- ✓ Lembaran imbangan kukuh

Sumber: Capital Group, 31 Disember 2022

Manulife Global Perspective Fund baharu memanfaatkan strategi pelaburan Dana Sasarannya* yang berusaha mengenal pasti *trend transformasi dengan tepat* sambil mencari *juara global*.

*Dana Sasaran merujuk kepada Capital International Fund – Capital Group New Perspective Fund. Prestasi masa lepas bukan petunjuk prestasi masa depan.

3. Strategi** ini kekal relevan sepanjang perubahan transformasi yang menjangkau 50 tahun

Fakta penting

Strategi (berasaskan komposit Strategi)

Tarikh pelancaran Mac 1973

Saiz US\$ 138.6 bilion

Diuji peredaran zaman

Sepanjang *sejarah selama 50 tahun*, Strategi ini telah berjaya melabur dalam persekitaran yang berubah. Tempoh separuh dekad mengenal pasti peluang pelaburan jangka panjang yang timbul daripada perubahan corak dagangan global dan peralihan sekular dalam ekonomi global.

Fleksibel

Kemungkinan besar terdapat sektor baharu yang menerajui pasaran ekuiti pada kitaran akan datang; portfolio yang tidak dibatasi oleh kawasan geografi, sektor atau gaya pelaburan boleh menyesuaikan diri lebih baik dengan realiti baharu ini.

Seimbang

Dalam keadaan ekonomi dan pasaran kewangan yang tidak menentu, Strategi ini menyediakan portfolio yang terpelbagai.

Jangka panjang

Menempuh ketidakstabilan dan turun naik pasaran jangka pendek dan mengekalkan tumpuan terhadap jangka panjang adalah sangat penting dalam persekitaran seperti ini. Pengurus Pelaburan Dana Sasaran terus menggunakan kaedah pelaburan jangka panjang yang sebenar.

Prestasi terus kukuh

Gabungan portfolio dengan struktur fleksibel dan seimbang dengan kaedah pelaburan jangka panjang telah membolehkan Strategi ini mencatatkan prestasi kukuh secara berterusan menjangkaui kitaran pasaran penuh.

Sumber: Capital Group, setakat pada 31 Mac 2023. Prestasi masa lepas bukan petunjuk prestasi masa depan.

**Strategi merujuk kepada Capital Group New Perspective Composite yang diasaskan pada 31 Mac 1973. Capital Group New Perspective Fund (LUX) merupakan ahli komposit ini sejak 30 Oktober 2015.

Mengenal pasti pemacu perubahan akan datang

Manfaatkan pendedahan kepada trend penting dan syarikat-syarikat yang bersedia merebut peluang daripada trend *baharu yang dijangka berterusan dalam jangka panjang*.



Peralihan tenaga



Pertambahan pengguna mewah umum EM



Trend demografi



Transformasi penjagaan kesihatan



Infrastruktur generasi akan datang



Gangguan digital

Maklumat di atas mungkin mengandungi unjuran atau kenyataan tinjauan masa depan berhubung dengan peristiwa masa depan, sasaran, disiplin pengurusan atau jangkaan lain, dan hanya dianggap terkini pada tarikh yang dinyatakan. Tiada jaminan bahawa peristiwa tersebut akan berlaku dan mungkin berbeza dengan ketara daripada yang diunjurkan di sini. EM merujuk kepada pasaran sedang membangun.

Sumber: Capital Group, S2 2023.

Melabur untuk jangka panjang: portfolio yang sudah diuji peredaran zaman

Strategi Dana Sasaran memanfaatkan perubahan, lantas membolehkannya mencatatkan rekod pulangan lebih tinggi yang terbukti berkesan dalam setiap persekitaran makro.

Pulangan bulanan bergerak tiga tahun

Sejak penubuhan hingga 30 Jun 2023

Pasaran ‘menaik’ >0%	Pulangan pasaran ¹	Pasaran ‘menurun’ <0%
488	Bilangan tempoh	80
80%	Berapa kerap strategi mengatasi pasaran ²	100%

Sumber: Capital Group, 30 Jun 2023. Keputusan masa lepas tidak menjamin keputusan masa depan.

Data dari 31 Mac 1973 hingga 30 Jun 2023. Pulangan dalam US\$. Data komposit ditunjukkan untuk tujuan keterangan sahaja. Capital Group New Perspective Fund (LUX) telah menjadi ahli komposit ini sejak November 2015. Strategi New Perspective merujuk kepada Capital Group New Perspective Composite, selepas ditolak yuran pengurusan dan perbelanjaan bagi wakil kelas saham (B) dana Luxembourg (B), dengan menggunakan Nisbah Jumlah Perbelanjaan (TER) maksimum. Sila layari capitalgroup.com untuk maklumat lanjut.

¹ MSCI All Country World Index (ACWI) (dengan dividen bersih dilaburkan semula) dari 30 September 2011; sebelum ini dikenali sebagai MSCI World (dengan dividen bersih dilaburkan semula). Sumber: MSCI

² Pulangan relatif dikira secara geometri bagi Capital Group New Perspective Strategy, berbanding indeks dalam nota kaki 1.

Mengenai Pengurus Pelaburan Dana Sasaran

Capital Group adalah salah satu daripada pengurus pelaburan terbesar di dunia.

Sumber: Capital Group, Jun 2023.

90+ tahun

melabur sejak 1931

479

profesional pelaburan Capital Group

27 years

pengalaman pelaburan purata pengurus portfolionya

Maklumat penting dana

Nama Dana	Manulife Global Perspective Fund (“Dana”)			
Pengurus	Manulife Investment Management (M) Berhad 200801033087 (834424-U)			
Kategori Dana	Dana pembekal			
Mata wang asas	USD			
Objektif pelaburan	Dana bertujuan untuk mencapai peningkatan modal jangka panjang dengan melabur dalam skim pelaburan bersama, dengan tumpuan terhadap pelaburan dalam ekuiti global.			
Profil pelabur	<p>Dana ini sesuai untuk pelabur yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> • mahu mencapai peningkatan modal; • mempunyai tempoh pelaburan jangka panjang; dan • mahu melabur dalam ekuiti global. 			
Dasar dan strategi	Dana akan melabur sekurang-kurangnya 85% NAB Dana dalam kelas Saham P USD Capital International Fund – Capital Group New Perspective Fund (“Dana Sasaran”), dan baki NAB Dana akan dilaburkan dalam aset cair seperti instrumen pasaran wang (termasuk sekuriti pendapatan tetap yang mempunyai baki tempoh matang kurang daripada 365 hari), penempatan deposit jangka pendek dengan institusi kewangan untuk tujuan kecairan dan/atau derivatif untuk tujuan lindung nilai.			
Penanda aras prestasi	<p>Indeks MSCI AC World dengan dividen bersih dilaburkan semula</p> <p>Nota: Prestasi penanda aras di atas hanya digunakan sebagai rujukan untuk tujuan perbandingan prestasi pelaburan. Profil risiko Dana tidak sama dengan profil risiko penanda aras prestasi ini. Maklumat penanda aras prestasi boleh didapati di www.manulifeim.com.my.</p>			
Harga tawaran awal	<p>Kelas A (Lindung Nilai - RM): RM 0.5000</p> <p>Kelas A (USD): USD 0.5000</p> <p>Kelas A (Lindung Nilai - SGD): SGD 0.5000</p>			
Tempoh tawaran awal	Dua puluh satu (21) hari dari 3 Oktober 2023 hingga 23 Oktober 2023			
Caj jualan	<p>Saluran pengedaran Caj Jualan</p> <p>IUTA UTC Pengurus Sehingga 5.00% NAB Seunit</p>			
Yuran pengurusan tahunan	Sehingga 1.80% daripada NAB Dana setahun yang dikira dan terakru secara harian.			
Yuran pemegang amanah tahunan	0.04% setahun daripada NAB Dana (termasuk yuran pemegang amanah tempatan tetapi tidak termasuk yuran dan caj penyimpan asing).			
Kelas	Kaedah Permohonan	Kelas A (Lindung Nilai - RM)	Kelas A (USD)	Kelas A (Lindung Nilai - SGD)
Pelaburan asal minimum	Urusan di pejabat	RM2,000.00	USD2,000.00	SGD2,000.00
	Transaksi dalam talian	RM200.00	Tiada	Tiada
atau jumlah lebih rendah lain yang ditentukan oleh pengurus dari semasa ke semasa.				
Pelaburan tambahan minimum	Urusan di pejabat	RM1,000.00	USD1,000.00	SGD1,000.00
	Transaksi dalam talian	RM100.00	Tiada	Tiada
atau jumlah lebih rendah lain yang ditentukan oleh pengurus dari semasa ke semasa.				
Dasar pengagihan	Kelas A (Lindung Nilai - RM), Kelas A (USD) dan Kelas A (Lindung Nilai - SGD) – Pengagihan pendapatan, jika ada, dibuat mengikut keadaan.			
Tahun kewangan berakhir	31 Januari			

Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau percanggahan yang timbul daripada terjemahan Bahasa Malaysia brosur ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Penafian:

Maklumat di atas tidak disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan tertakluk kepada amaran, penafian, kelayakan dan terma dan syarat berkenaan yang dinyatakan di dalam ini. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus Manulife Global Perspective Fund bertarikh 3 Oktober 2023 dan semua Lembaran Keterangan Produk yang berkenaan (secara bersama, “Dokumen Tawaran”), yang boleh didapati di pejabat atau laman web kami sebelum melabur. Dokumen Tawaran telah didaftarkan dengan SC, bagaimanapun pendaftaran dengan SC tidak bermakna atau menunjukkan bahawa SC telah mengesyorkan atau menyokong produk. Terdapat risiko yang terlibat apabila melabur dalam dana unit amanah; dana borong dan/atau Skim Persaraan Swasta. Antara risiko yang dikaitkan dengan pelaburan dalam dana unit amanah; dana borong dan/atau skim persaraan swasta ialah risiko turun naik kadar faedah, tukaran asing atau mata wang, risiko negara, risiko politik, risiko kredit, risiko ketidakpatuhan, risiko pihak yang berurus niaga, risiko pengurus dana sasaran, risiko kecairan dan risiko kadar faedah. Untuk maklumat lanjut tentang profil risiko semua dana, sila rujuk kepada bahagian Faktor Risiko dalam Dokumen Tawaran. Harga unit dan pengagihan pendapatan mungkin turun dan juga naik. Pelabur harus membandingkan dan mempertimbangkan yuran, caj dan kos yang terbabit. Pelabur dinasihatkan untuk menjalankan penilaian risiko mereka sendiri dan berunding dengan penasihat profesional jika tidak pasti tentang tindakan yang harus diambil.